

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD
[PASIR PUTEH]
TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)
SOALAN : Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan keluaran sayur-sayuran yang dieksport keluar negara. Singapura pernah menyekat keluaran sayur dari Cameron Highland dari memasuki Singapura kerana penggunaan racun berlebihan. Adakah pihak Kerajaan juga mengawal kemasukan sayur-sayuran dari negara jiran ke Malaysia untuk menjamin keselamatan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mengenakan sekatan ke atas pengimportan sayur-sayuran daripada mana-mana negara jiran. Pengimportan sayur-sayuran juga tidak dikenakan permit import (*Import Permit*, IP) dari Jabatan Pertanian Malaysia buat masa ini. Walau bagaimanapun, bermula 1 Mei 2010, pengimportan 12 jenis bahan/ produk pertanian terpilih dari Negara Thailand telah dikenakan permit import dan sijil fitosanitasi. Bahan/ produk pertanian terpilih tersebut ialah:

- i. Ubi keledek (*Ipomea batatas*)
- ii. Ubi keladi (*Colocasia esculenta*)
- iii. Ubi kentang (*Solanum tuberosum*)

- iv. Ubi kemili/ kembili (*Coleus parviflorus*)
- v. Ubi sengkuang (*Pachyrhizus erosus*)
- vi. Kacang tanah (*Arachis hypogaea*)
- vii. Serai (*Cymbopogon citratus*)
- viii. Cili padi (*Capsicum frutescens*)
- ix. Kunyit (*Curcuma domestica*)
- x. Halia (*Zingiber officinale*)
- xi. Lengkuas (*Alpinia galanga*)
- xii. Daun limau purut (*Citrus hystrix*)

Mengikut Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan Kuarantin 1981, pengimportan semua jenis tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal tertakluk kepada pemeriksaan di pintu masuk oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Sekiranya hasil pemeriksaan oleh pihak MAQIS mendapati terdapat perosak dibawa bersama komoditi yang diimport, tindakan kuarantin akan dikenakan ke atas produk tersebut seperti dilarang masuk, dirawat atau dihantar pulang. Kawalan paras sisa baki racun perosak dalam sayur akan dipantau oleh Kementerian Kesihatan dan sekatan juga dibuat apabila melebihi tahap yang dibenarkan.

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]**

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana penyelidikan yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi cadangan pembangunan sumber nuklear di negara ini pada masa hadapan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Pada masa ini, Kerajaan masih sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Kajian yang sedang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). EPP11 ini mencadangkan dua (2) buah loji janakuasa nuklear dengan keupayaan 1,000 Megawatt (MW) setiap satu.

Sehingga kini, kajian menyeluruh mengenai kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara telah disiapkan pada Disember 2013, dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kerajaan.

Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP)), sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014, kecuali kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear yang ditangguhkan sehingga tinjauan pendapat umum mengenai tenaga nuklear dilaksanakan.

Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan, dengan izin, *stakeholders*, termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2014.

Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan suatu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle (SPV)*) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear pula sedang diteliti secara amnya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (61)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]**

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian dalam membantu pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dalam aspek pembangunan keceriaan bandar termasuk membina landskap dan parit dalam kawasan Parlimen Sepanggar; dan
- (b) berapakah peruntukan yang diluluskan dan senarai projek yang telah diluluskan bagi tahun 2013 dan 2014 oleh Kementerian di kawasan Sepanggar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengenal pasti beberapa projek yang akan dilaksanakan berdasarkan cadangan yang diterima daripada DBKK. Projek-projek tersebut merangkumi pembinaan dan menaik taraf longkang, parit dan kemudahan awam. Walau bagaimanapun, Kementerian belum dapat menyediakan peruntukan landskap bagi kawasan Parlimen Sepanggar. Namun begitu, pihak Jabatan Landskap Negara akan mempertimbangkan peruntukan pembangunan pada masa akan datang.
- (b) Bagi tahun 2013, Kementerian telah meluluskan peruntukan sejumlah RM4,963,020.00 bagi membolehkan DBKK melaksanakan 28 projek pembangunan tersebut.

Untuk tahun 2014, peruntukan yang diluluskan kepada DBKK adalah berjumlah RM1,573,700.00 untuk melaksanakan 3 projek pembangunan berdasarkan senarai keutamaan yang telah dikemukakan oleh DBKK kepada Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014